

‘Dia masih menteri, boleh hadir mesyuarat Rabu ini’

Tokyo: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menjelaskan Datuk Zuraida Kamaruddin masih anggota Kabinet dan perlu menjalankan tugas sebagai Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi seperti biasa.

Perdana Menteri berkata, sekali lagi beliau tidak membuat keputusan, Ahli Parlimen Ampang itu perlu menjalankan tugas sebagai menteri seperti biasa dan boleh menghadiri mesyuarat Kabinet terdekat kerana kedudukannya sebagai menteri akan diputuskan selepas mereka bertemu kelak.

“Saya tak pecat, dia masih menteri Kabinet hingga mesyuarat (Kabinet) Rabu ini. Tunggu saya balik, saya panggil dia bincang, kemudian baru saya boleh buat keputusan,” katanya memaklumkan hanya mengetahui isu Zuraida melalui liputan media dan menteri itu juga belum menghubunginya hingga kini.

“Sebelum dia hubungi, jumpa saya, dia (Zuraida) masih menteri, sebab dia kata dia akan jumpa saya dan berbincang dengan saya. Jadi tunggu saya balik dulu, dia bincang dengan sa-

ya, baru kita buat keputusan,” katanya pada sidang media bersama wartawan Malaysia di Tokyo, semalam.

Ismail Sabri berkata, beliau menghormati pelbagai pandangan berhubung Zuraida, namun keputusan akhir mengenai kedudukan Ahli Parlimen Ampang itu masih terletak pada perdana menteri.

Ditanya jika beliau akan menerima peletakan jawatan Zuraida selepas mereka bertemu kelak, Perdana Menteri berkata: “Saya tak nak cakap pasal ‘jika’ ini. Kita seberangi jambatan, ba-

ru kita buat keputusan. Sekarang jambatan pun tak nampak lagi”.

Ismail Sabri juga menjelaskan, sebarang perubahan pada Kabinet perlu dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong dengan sebarang pelantikan baharu serta angkat sumpah bukannya perkara mudah dan beliau mesti menghormati baginda.

Ditanya adakah Kabinet pimpinannya masih utuh dengan tindakan Zuraida, beliau menyifatkannya sebagai ‘tiada isu sangat’ dan pandangan ‘orang luar’ mungkin menyangka Kabi-

net ‘kelam kabut’ kerana dianggotai pelbagai parti.

“Sebenarnya anggota Kabinet sekarang akan meninggalkan segala perbezaan politik ketika membuat keputusan demi kepentingan negara.

“Bila masuk Kabinet, kita tinggalkan perbezaan contohnya (pilihan raya negeri) Johor dan Melaka, kita tak bawa pun dalam Kabinet.

“Fokus kita dalam Kabinet adalah untuk kepentingan negara dan rakyat tanpa mengira parti mana, kita buat keputusan secara bersama,” katanya.